

## **Kaedah Belajar Sambil Main.**

Oleh;

Endra Devi Supiah Panadam (SMK Dato' Mohd. Reza, N. Sembilan)

Che Nasir Che Husin (SMK Putera, K. Bharu, Kelantan)

Masalah yang sering dihadapi oleh guru untuk melaksanakan P&P Sejarah ialah;

- Murid **tidak minat** Sejarah.
- Murid **sukar mengingati** fakta Sejarah.
- Murid **rasa tertekan** untuk belajar Sejarah.
- Murid **rasa bosan** mempelajari Sejarah
- Murid **tidak membawa** buku teks
- Murid **bosan** dengan teknik guru berceramah.

Langkah terbaik untuk mengatasi masalah ini ialah dengan mengajak murid bermain, dengan bermain mereka akan dapat menguasai(mempelajari) apa yang dimainkan dalam suasana seronok. Suasana ini wujud kerana sikap untuk menang sememangnya lahir dalam diri setiap pemain.

### **Kelebihan belajar sambil bermain;**

- Seronok
- Murid belajar tanpa menyedari mereka belajar
- Tiada tekanan
- Berusaha untuk menang
- Dapat menghafal fakta secara tidak langsung.

Salah satu kaedah belajar sambil bermain ialah **Kad Bertema**.

Apakah kad?

Merupakan sekeping kertas yang boleh disediakan dalam pelbagai bentuk dan warna.

Apakah tema?

Satu perkataan yang dipilih untuk mewakili sesuatu isi/huraian.

## Contoh

Kedudukan Asia Tenggara begitu **strategik** kerana terletak di antara China dan India.

## Tema : strategik

Bilakah kaedah ini sesuai digunakan;

- Mengajar tajuk baru.
- Ulangkaji
- Tajuk-tajuk penting untuk peperiksaan
- Tajuk yang berkaitan dengan faktor/ciri/kesan/sebab
- Apabila memilih pendekatan gabung tajuk untuk rancangan mengajar.
- Suasana pembelajaran yang tidak kondusif ( panas semasa tengahari dan selepas waktu P.J)

Bahan Bantuan Mengajar yang diperlukan

- Kad bertema
- Kertas edaran
- Buku teks.

Persediaan sebelum P&P Sejarah

- Pilih tajuk yang sesuai
- Kenal pasti tema
- Sediakan kad tema
- Pastikan jumlah kad sama dengan jumlah murid.

Pelaksanaan Semasa dalam P&P

- Edar kad bertema kepada murid.
- Secara individu, murid dikehendaki mencari isi tema berdasarkan buku teks.
- Guru mengarahkan murid membentuk pasukan mengikut kad tema yang sama.
- Murid dalam pasukan berbincang jawapan yang diperolih
- Wakil pasukan dikehendaki membuat pembentangan
- Guru edar borang tema huraian untuk setiap pasukan
- Murid dikehendaki berbincang dalam pasukan dan mengisi maklumat dalam borang tema huraian
- Setiap pasukan dikehendaki membentangkannya
- Pasukan lain akan komen dan pantau oleh guru

Pengukuhan

- Guru mengedar borang tema/huraian untuk dilengkapkan oleh setiap murid.
- Guru akan menghurai perkaitan antara fakta.

**Kaedah Belajar Sambil Main (Kad Bertema – Ulangkaji)**

**Langkah 1**

1. Murid dibahagikan kepada beberapa pasukan ( 4 atau 5 orang satu pasukan)
2. Guru edar jadual ulangkaji

<b>Faktor imperialisme Barat di Asia Tenggara</b>	<b>Faktor Kemunculan Nasionalisme di Asia Tenggara</b>	<b>Faktor penentangan pemimpin setempat di Tanah Melayu</b>	<b>Faktor Pemankin Nasionalisme di Tanah Melayu</b>

3. Murid dalam pasukan isikan tema dalam jadual di atas dengan merujuk nota/buku teks ( m/s diberi)
4. Jawapan ditukar sesama pasukan.
5. Guru beri masa untuk pasukan lain buat semakan.
6. Guru edar jawapan .

**Langkah 2** (main - ingat tema )

1. Guru edarkan 1 set permainan kepada setiap pasukan
2. Murid baca arahan permainan dan memulakan permainan

**Peraturan Permainan.**

Untuk mengingatkan tema (prinsip keluarga)

- i. Bilangan pemain – 4 orang
- ii. Kad dikocok dan diedarkan kepada semua pemain
- iii. Kad oren bersama satu kad kosong dikocok dan diletak atas meja. Kad ini dibuka oleh setiap pemain. Pemain yang dapat kad kosong akan mula permainan.
- iv. Kad oren dikocok sekali lagi dan setiap pemain akan memilih satu kad oren (tertutup)
- v. Pemain pertama akan mula dengan menyepak kad yang di pegang dengan data di depan / atas meja. Jika ada tema yang berkaitan kad itu di simpan. Kad tema yang tidak berkaitan akan di 'pass' kepada jiran (pusingan jam).
- vi. Pemain yang berjaya kumpul lima tema yang berkaitan dianggap pemenang.

**DATA**

<b>Faktor Imperialisme Barat di Asia Tenggara</b>	<b>Faktor Kemunculan Nasionalisme di Asia Tenggara</b>	<b>Faktor Pemangkin Nasionalisme di Tanah Melayu</b>	<b>Faktor penentangan pemimpin setempat di Tanah Melayu</b>
Bahan	Agama	Asing	Adat
Beban	Bias	Cetak	Eksplotasi
Kuat	Birokrasi	Jejas	Kuasa
Pasaran	Intelek	Jepun	Penaklukan
Strategik	Luar	Jurang	Peraturan
Subur	Media	Pan	
Suez	Pengangkutan	Pendidikan	
Telegraf	Sastera	PKM	
Wap		Serantau	

**Langkah 3** ( main - padanan tema dengan huraian)

1. Guru edar kad tema dan huraian kepada setiap pasukan
2. Murid baca arahan permainan dan memulakan permainan

**Peraturan Permainan .**

Untuk memadankan tema dengan huraian (prinsip padanan)

- ii. Kad oren dikocok dan diedar kepada pemain
- iii. Kad biru dikocok dan disusun atas meja (tertutup)
- iv. Kad hijau dikocok dan disusun atas meja (tertutup)
- v. Kad data @ huraian (kuning) bersama tema (diboldkan) dan diletakan atas meja (terbuka)
- vi. Pemain pertama akan buka satu kad hijau dan satu kad biru. Jika berkaitan dengan tajuk yang dipegang akan ambil pasangan itu. Jika tidak berkaitan terpaksa tinggalkan.
- vii. Pemain yang dapat pasangan boleh ambil kedua-dua kad
- viii. Pemain yang dapat kumpul lima set tema adalah pemenang.

**SKEMA JAWAPAN**

*Faktor imperialisme Barat di Asia Tenggara.*

Kedudukan Asia Tenggara **strategik** terletak diantara China dan India

Penduduk yang ramai - penting untuk **pasaran**

Asia Tenggara kaya dengan **bahan** mentah seperti bijih timah

Asia Tenggara memiliki tanah **subur** sesuai untuk pertanian

Kapal **wap** telah mempercepatkan perjalanan diantara Barat dengan Timur

Pembukaan Terusan **Suez** telah memendikan jarak perjalanan antara Barat dengan Timur

Penciptaan **Telegraf** telah memudahkan perhubungan

Kuasa Barat yang mempunyai tanah jajahan yang banyak di anggap **kuat**

Slogan "**Beban Orang putih**" sering digunakan oleh kuasa Barat untuk menjalankan penjajahan

### **Faktor Nasionalisme di Asia Tenggara**

Sistem **Birokrasi** Barat tidak memberikan peluang yang sewajar kepada rakyat tempatan

**Agama** telah menjadi alat menyatukan rakyat untuk menentang penjajah

Karya kesu**sastera**an telah digunakan oleh pemimpin untuk membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan rakyat

Penjajah menjalankan dasar yang **bias** terhadap penduduk tempatan terutama dalam Pendidikan

Kemunculan golongan **intelektual** yang menjadi pemimpin nasionalis

**Media** cetak telah digunakan oleh pemimpin nasionalis untuk menyebarkan ide-ide nasionalis – akhbar, novel, majallah

Kemudahan sistem **pengangkutan** telah mempercepatkan pergerakan para nasionalis

Pengaruh **luar** seperti kejayaan Jepun mengalahkan Rusia telah membuka mata nasionalis tempatan menentang Barat



### **Faktor penentangan pemimpin setempat di Tanah Melayu**

Dasar penaklukan British di negeri-negeri Melayu telah menimbulkan kemarahan pemimpin tempatan

British memperkenalkan beberapa peraturan baru yang membebankan rakyat

Campur tangan British dalam adat resam tempatan telah menimbulkan kemarahan penduduk setempat

Pemimpin setempat kehilangan kuasa kerana diambil alih pihak British

Pihak penjajah telah mengeksploitasi ekonomi penduduk tempatan

## **Faktor Pemangkin Nasionalisme di Tanah Melayu**

British memperkenalkan sistem politik Barat yang telah men**jejas**kan sistem politik tradisional

Kemajuan sistem **pendidikan** telah melahirkan golongan intelek untuk menjadi pemimpin

Dasar British membawa masuk orang **asing** untuk menguasai ekonomi telah menimbulkan persaingan dengan orang tempatan

Pembangunan yang tidak seimbang antara kawasan Bandar dengan kawasan kampung telah menjarakkan **jurang** antara kaum

Pendudukan **Jepun** di Tanah Melayu dengan slogan 'Kawasan Kemakmuran Asia' dan kekejamannya telah menimbulkan semangat nasionalisme

Kekejaman **PKM** menimbulkan konflik perkauman

Kemunculan mesin **cetak** telah memudahkan penyebaran ide

Gerakan **Pan-Islamic** di Timur Tengah telah membangkitkan semangat nasionalisme

Kesedaran politik **serantau** terutama di Indonesia telah mendorong kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu

**Langkah 4.**

Guru edarkan lembaran kerja untuk diisi oleh semua murid.

Tajuk : Nyatakan faktor-faktor yang mendorong imperialisme Barat  
di Asia Tenggara.

Tema	Huraian

Tajuk : Nyatakan faktor-faktor yang mendorong nasionalisme  
di Asia Tenggara.

Tema	Huraian

**Tajuk :** Nyatakan sebab-sebab penentangan pemimpin setempat terhadap British di Tanah Melayu .

Tema	Huraian

**Tajuk :** Nyatakan faktor-faktor yang mendorong nasionalisme di Tanah Melayu.

Tema	Huraian

**Langkah 5.**

Secara rawak guru memilih beberapa murid untuk membaca lembaran kerja yang di hasilkan.

Latihan Gerak Kerja.

Arahan:

1. Sediakan kad tema untuk tajuk-tajuk berikut.
2. Sediakan satu set permainan dan peraturan
3. Sediakan satu set latihan.

Bab 3 – Tingkatan 4

1. Nyatakan ciri-ciri kerajaan agraria di Asia Tenggara.
2. Nyatakan ciri-ciri kerajaan maritim di Asia Tenggara

Bab 4 – Tingkatan 4.

1. Ciri-ciri masyarakat jahiliyah

Bab 5 – Tingkatan 4.

1. Sebab-sebab hijrah nabi Muhammad S.A.W ke Madinah.
2. Nyatakan kesan-kesan hijrah

Bab 7 – Tingkatan 4

1. Teori dan bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

Bab 4 –Tingkatan 5.

1. Sebab-sebab Malayan Union diperkenalkan.
2. Ciri-ciri Malayan Union.
3. Sebab-sebab orang Melayu menentang Malayan Union.
4. Cara –cara orang Melayu menentang Malayan Union.
5. Ciri-ciri PTM.
6. Faktor-faktor pembentukan PTM

Bab 6 – Sejarah Ting 5.

1. Faktor-faktor membawa kepada penubuhan Malaysia.
2. Reaksi pihak-pihak yang terlibat terhadap cadangan gagasan Malaysia.